



**TEKS UCAPAN
YBRS. TS. DR. SITI A'IASAH BINTI HASHIM
KETUA PENGARAH
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

**MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU)
BAGI KERJASAMA PELAKSANAAN PROJEK PENYELIDIKAN
BERKAITAN PENGHASILAN BAHAN SALUTAN TERMAJU
BERASASKAN POLIOL SAWIT DAN BIOPOLIOL POLIESTER
MENGUNAKAN APLIKASI SINARAN**

**TARIKH
16 OGOS 2021 (ISNIN)**

**MASA
10.00 PAGI**

**PLATFORM
ATAS TALIAN**

Bismillahirrahmanirahim

Assalammualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

Terima kasih saudara pengacara majlis pada pagi ini;

YANG BERUSAHA DR. AHMAD APRVEEZ GHULAM KADIR

Ketua Pengarah

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)

YANG BERUSAHA DR. ABDUL RAHIM BIN HARUN

Timbalan Ketua Pengarah (Program Penyelidikan dan Pembangunan
Teknologi)

Para delegasi Nuklear Malaysia dan MPOB,

Semoga semua warga Nuklear Malaysia berada dalam keadaan sihat
walafiat di bawah Rahmat Allah sentiasa.

PENDAHULUAN

1. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas atas usaha kedua-dua pihak dalam menganjurkan majlis penyerahan balas dokumen Memorandum Persefahaman (“MoU”) antara Kerajaan Malaysia yang diwakili oleh AGENSI NUKLEAR MALAYSIA (“Nuklear Malaysia”) dan Badan Berkanun oleh LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (MPOB).
2. Memorandum Persefahaman ini akan berkuat kuasa selama lima (5) tahun. Pada asalnya majlis ini dirancang untuk diadakan secara fizikal tetapi disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 yang telah dikuatkuasakan bagi membendung penularan pandemik Covid-19, maka majlis ini diadakan secara maya atas talian.

HUBUNGAN DAN KERJASAMA DALAM BIDANG PENYELIDIKAN

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

3. Saya mewakili Nuklear Malaysia mengucapkan syabas dan tahniah kepada kedua-dua pasukan penyelidik Nuklear Malaysia dan MPOB dalam usaha mengadakan hubungan dan kerjasama dalam bidang penyelidikan berkaitan penghasilan bahan salutan termaju berasaskan polioliol sawit dan biopolioliol poliester menggunakan aplikasi sinaran dan juga penyelidikan-penyelidikan lain yang akan dipersetujui bersama di masa akan datang.

4. Seperti yang umum maklum, Nuklear Malaysia adalah sebuah institusi penyelidikan awam dengan pengkhususan dalam penggunaan teknologi nuklear secara aman. Sehubungan itu, saya berharap kepakaran-kepakaran penyelidik Nuklear Malaysia dan MPOB dan juga kemudahan serta makmal termasuk peralatan-peralatan saintifik yang terdapat di Nuklear Malaysia dan MPOB dapat digunakan untuk menjayakan kerjasama ini.
5. Penggunaan kemudahan antara Nuklear Malaysia dan MPOB merupakan suatu dorongan kepada usaha kerjasama aktiviti penyelidikan antara kedua-dua pihak yang membolehkan pasukan penyelidik menggunakan kemudahan peralatan penyelidikan dan kajian serta kemudahan perpustakaan dan rujukan jurnal yang terdapat di kedua-dua premis untuk mengembang dan mempromosikan bidang-bidang kerjasama.
6. Saya berharap dengan keadaan semasa Negara yang sedang berusaha menangani pandemik ini, tidak akan menjejaskan dan menyebabkan aktiviti projek yang telah dirancang akan tertangguh dan objektif projek yang telah ditetapkan dapat dicapai sepenuhnya.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

7. Nuklear Malaysia menyambut baik kerjasama dengan MPOB bagi menjalankan penyelidikan untuk meluaskan industri agrosains dan bioteknologi di Malaysia. Agensi Nuklear Malaysia juga sedang giat menjalankan penyelidikan melalui teknologi hijau yang berkonsepkan pembangunan mapan dan memulihara alam sekitar.

Dengan ini dapat menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara sekaligus menjaga alam sekitar yang bersih dan sihat.

8. Contoh bidang tumpuan teknologi hijau yang menggunakan aplikasi sinaran ultralembayung, alur elektron atau gama adalah pembangunan dan aplikasi bahan polimer termaju produk kimia resin sawit. Bahan ini banyak digunakan dalam bidang industri automotif, pertahanan, logam, bangunan dan pembinaan, percetakan, perkayuan dan perabot serta kraf hasil rimba.
9. Contoh ciri-ciri produk kimia yang dihasilkan adalah seperti produk pintar yang mempunyai kepelbagaian fungsi, bahan salutan termaju, bahan salutan berasaskan air, pengesan-dosimeter sinaran mengion dan lain-lain yang lebih berdaya saing berbanding produk kimia import yang berada di pasaran tempatan.

PENUTUP

10. Diharapkan hasil kerjasama penyelidikan ini akan dapat mencetuskan industri baru yang boleh menyokong usaha kearah menjadikan Malaysia sebuah negara berteknologi tinggi yang mapan.
11. Akhir kata, saya mengucapkan tahniah kepada warga projek di Bahagian Teknologi Pemprosesan Sinaran (BTS) kerana berjaya mendapat kepercayaan pihak MPOB dalam menjalankan kerjasama dalam bidang penyelidikan yang dimaksudkan.

12. Tahniah dan terima kasih kepada LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (MPOB) atas segala usaha dalam melaksanakan majlis penyerahan dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) ini.
13. Saya berharap projek Kerjasama penyelidikan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Akhir kata, **“Lindung Diri..Lindung Semua..”**

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.